

# Kerajaan sentiasa martabatkan profesion guru

JOHOR BAHRU 15 Mei - Kerajaan tidak perlu menunggu 16 Mei setiap tahun untuk mengumumkan perkara-perkara baru untuk warga pendidik bagi martabatkan profesion perguruan negara.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, apa yang telah kerajaan lakukan tiga tahun sebelum ini sudah banyak memartabatkan profesion berkenaan selain merealisasikan apa yang diperjuangkan dan dituntut oleh warga pendidik.

"Banyak perkara yang diperjuangkan, dituntut dan diminta oleh warga guru untuk beberapa tahun sebelum ini sudah menjadi kenyataan pada hari ini.

"Antara contohnya ialah maktab-maktab perguruan yang dinaik taraf menjadi institut pendidikan, peluasan guru cemerlang, pengetua cemerlang dan guru besar cemerlang.

"Mungkin ada beberapa perkara yang dapat kita umumkan esok tetapi bagi saya semua itu adalah sebahagian kecil daripada usaha besar kerajaan untuk menjayakan usaha memartabatkan profesion perguruan," katanya.

Hishammuddin berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Kecemerlangan Pendidikan 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor di sini hari ini.

Jelasnya, kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan di sini esok merupakan satu

UM - 16/5/2007  
pengiktirafan kepada profesion perguruan itu sendiri.

"Majlis yang diadakan esok bukanlah memberi tumpuan kepada pengumuman yang mengembirakan warga pendidik sebaliknya melihat semula pengiktirafan yang diberikan kepada profesion berkenaan pada masa ini.

"Adalah lebih bermakna jika setiap kali kita lihat ada peluang untuk membela martabat profesion perguruan, kita umumkan.

"Jadi esok/perkara yang akan diumumkan tidak boleh menandingi apa yang kita umumkan tiga tahun sebelum ini," katanya.

Mengenai kehadiran Perdana Menteri untuk sambutan Hari Guru esok, Hishammuddin menambah, warga pendidik menganggap kehadiran Abdullah sebagai satu suntikan untuk mereka teruskan tanggungjawab walaupun berdepan dengan pelbagai dugaan dan cabaran.

Jelasnya, daripada pameran yang diadakan, masyarakat dapat melihat bahawa bidang pendidikan menjadi keutamaan kerajaan sejak sebelum merdeka lagi.

Sementara itu, mengenai penubuhan Arkib Guru, beliau berkata, ia yang akan ditempatkan di kampus induk Institut Pendidikan Guru di Kompleks Pendidikan Nilai, Negeri Sembilan dijangka bermula pada akhir tahun.

"Arkib Guru akan menjadi pusat pengumpulan dan pameran bahan-bahan sejarah pendidikan khususnya berhubung kait latihan perguruan dan profesion perguruan itu sendiri," katanya.